

**32(A). KELONGGARAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUANN 1984 UNTUK RUMAH-RUMAH JENIS PELAN/SEPARUH TETAP/SEMENTARA**

Bagi rumah-rumah Jenis Pelan Setara dan rumah-rumah sementara/separuh tetap yang mempunyai keluasan lantai 1,000 kaki persegi atau kurang, Undang-undang Kecil Bangunan yang lama masih terpakai dan terus digunakan. Di antara kelonggaran Undang-undang Kecil Bangunan 1984 untuk rumah-rumah ini ialah :-

- (1) Pelan tidak perlu dikemukakan oleh Arkitek atau Tukang Pelan Berdaftar;
- (2) Kadar bayaran pelan ialah RM10.00 sahaja;
- (3) Kadar denda bayaran pelan hanya 5 kali;
- (4) Jarak di antara 2 buah bangunan hanya 10 kaki (untuk kawasan luar bandar).

*(Diluluskan pada 23.1.86)*